

Headline	Air jampi Boleh dihukum		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	14	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	414 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 8,182
Frequency	Daily	PR Value	MYR 24,547



Jika perbuatan pengusaha jejaskan akidah - Mashitah Air jampi: Boleh dihukum

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 21 Feb. - Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap pihak yang mengusahakan air ruqyah ataupun air jampi sekiranya didapati perbuatan itu membuka ruang penyelewengan akidah umat Islam di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Mashitah Ibrahim berkata, pihak berkuasa tidak boleh menyekat pengusaha air jampi tersebut daripada menjalankan perniagaan, namun jika didapati usaha itu memudaratkan akidah, tindakan boleh diambil terhadap mereka.

"Pada saya sama ada air itu di-jampi, ia bukan satu masalah tetapi jika masyarakat beralih akidahnya sehingga menganggap air itu sebagai ajaib seumpama tangkal, itu satu kesalahan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan majlis Penyerahan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) kepada pelajar Institut Teknologi Maklumat Malaysia (MIIT) Universiti Kuala Lumpur (UniKL), di sini hari ini.

Seramai 180 pelajar daripada keseluruhan 2,715 pelajar (MIIT) Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Kam-

pus Kota menerima BB1M dalam majlis itu.

Yang hadir sama, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif UniKL, Prof. Dr. Mazliham Mohd. Su'ud dan Dekan MIIT UniKL Kampus Kota,

Prof. Dr. Roslan Ismail.

Tambah Mashitah, beliau bersetuju dengan saranan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha supaya air jampi tidak dikomersialkan kerana dikhuatiri boleh menimbulkan pelbagai tanggapan terhadap perubatan Islam.

"Kita tidak menafikan bahawa al-Quran itu adalah satu daripada penawar dan ubat tetapi tidaklah sampai air jampi ini dikomersialkan dan sewajarnya dibendung.

"Saranan Jakim ini baik kerana kita tidak mahu masyarakat terkeliru serta bagi memberi kesedaran bahawa untuk agama tiada jalan pintas," katanya.

Semalam, Othman berkata, pengkomersialan air jampi kini dilihat telah dieksploitasi, malah ada sesetengah pihak cuba mengambil keuntungan mudah melaluinya.

Jelas beliau, perkara tersebut di-

khuatiri boleh menjejaskan akidah apabila masyarakat mula mengangap keberkesanan sesuatu usaha tersebut datang daripada air jampi berkenaan.

Sementara itu, seorang penerima BB1M, **Nur Zawani Zainal Abidin**, 24, berkata, pemberian baucar buku yang diterimanya begitu dihargai kerana mampu mengurangkan perbelanjaan untuk urusan pembelajarannya.

"Harga bagi sebuah buku yang berkaitan dengan jurusan saya sememangnya agak tinggi, sehubungan itu dengan adanya bantuan baucar buku ini, peruntukan bagi

buku tersebut sebelum ini boleh digunakan untuk perkara-perkara lain," katanya yang mengambil jurusan Multimedia.

Seorang lagi pelajar, **Rozaimie Harun**, 26, juga berpendapat pemberian BB1M tersebut mampu meringankan beban pelajar terutama daripada keluarga yang kurang berkemampuan.

"Ini merupakan kali kedua saya terima BB1M, baucar ini cukup membantu mengurangkan perbelanjaan pendidikan saya," katanya.



MASHITAH Ibrahim bergambar dengan sebahagian daripada 180 mahasiswa UniKL selepas menyempurnakan majlis Penyerahan Baucar Buku 1Malaysia di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ZAINI HUSIN